

09/01/2003

Malaysia bantu Reveo bina makmal InventQjaya

REVEO Incorporated (Reveo), syarikat teknologi yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), dengan dibantu kerajaan Malaysia akan membina sebuah makmal bertaraf dunia, InventQjaya, untuk tujuan mereka cipta, memaju dan memperdagangkan teknologi baru dan inovatif di Malaysia bagi pasaran global.

Ketua Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Datuk Dr Mohamed Arif Nun, berkata usaha itu mendapat pujian daripada Dr Mahathir sendiri dan MDC akan membantu Reveo dengan menyediakan kemudahan yang perlu.

Beliau berkata, usaha itu disasarkan untuk menarik saintis Malaysia di luar negara bagi menyumbangkan idea inovatif mereka dalam pasaran tempatan.

"MDC akan memiliki makmal itu dan memajaknya kepada InventQjaya. Kami sedang memuktamadkan kos," katanya tetapi enggan mendedahkan kos sebenar pelaburan itu yang dipercayai melebihi RM70 juta.

Makmal itu dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun ini.

"Antara lain, matlamat InventQjaya adalah untuk memudahkan aspirasi Malaysia menjadi bukan saja pengguna teknologi tetapi juga pencipta teknologi," katanya dalam satu taklimat media di Cyberjaya, semalam.

Ketua Eksekutif Reveo, Dr Sadeg M. Faris, berkata makmal itu akan menggunakan lapan teknologi berpaten Reveo.

"Tujuan utamanya adalah menggalakkan saintis dan jurutera Malaysia mereka dan mencipta serta menarik minat mereka (saintis) yang bekerja di luar negara pulang semula," katanya.